

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
(DUNGUN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.06.2014**

**YB Wan Hasan bin Mohd Ramli (Dungun)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jangkaan perolehan hasil dalam bilion Ringgit Malaysia daripada pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) bermula 1 April 2015 sehingga tahun 2018 berbanding hasil cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang diperolehi dalam tahun 2009 hingga 2013.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Anggaran kutipan hasil dari pelaksanaan GST bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>RM Bil</b>
2015	23.18*
2016	33.79
2017	37.14
2018	40.33

\*kutipan untuk 9 bulan (April – Dis 2015)

Perbandingan kutipan hasil cukai jualan dan cukai perkhidmatan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Cukai Jualan (RM Bil)</b>	<b>Cukai Perkhidmatan (RM Bil)</b>	<b>Jumlah (RM Bil)</b>
2009	8.60	3.34	11.94
2010	8.17	3.93	12.10
2011	8.58	4.98	13.56
2012	9.50	5.58	15.08
2013	10.10	5.94	16.04
<b>JUMLAH</b>	<b>44.95</b>	<b>23.77</b>	<b>68.72</b>